



## KEMENTERIAN KEWANGAN

### PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 7 TAHUN 2011

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Badan Berkanun Persekutuan

#### **GARIS PANDUAN BAGI PEMBERIAN INSENTIF DI BAWAH POLISI LALUAN HIJAU**

##### **1. TUJUAN**

Pekeliling Perbendaharaan ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai insentif yang disediakan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang berinovatif serta garis panduan berkaitan pemberian insentif tersebut di bawah Polisi Laluan Hijau (PLH) atau *Green Lane Policy*.

##### **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Pembangunan PKS memainkan peranan penting sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi negara. Dalam usaha mentransformasikan Malaysia menjadi sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi, Kerajaan akan terus memberi sokongan yang padu kepada syarikat PKS supaya bilangan PKS yang berinovasi dan yang mempunyai pertumbuhan tinggi dapat ditingkatkan seterusnya melonjakkan sumbangan mereka kepada pertumbuhan ekonomi negara.
- 2.2 Sehingga kini, Kerajaan telah menyediakan pelbagai bantuan dan insentif bagi menggalakkan pertumbuhan PKS yang berdaya saing dan mampu memacu pertumbuhan ekonomi negara. Bantuan tersebut adalah melalui pembiayaan dan pelbagai jenis insentif lain di semua peringkat pertumbuhan syarikat.

- 2.3 Bagi terus mengiktiraf sumbangan daripada PKS inovatif yang berdaya maju, Kerajaan telah menggubal satu lagi dasar yang dikenali sebagai Polisi Laluan Hijau yang bertujuan untuk mempercepat dan mempermudahkan segala urusan yang berkaitan melalui insentif-insentif yang disediakan meliputi empat (4) aspek utama iaitu pembiayaan, galakan cukai, perolehan Kerajaan dan keutamaan di dalam urusan perolehan syarikat milik Menteri Kewangan (Diperbadankan).

### **3. TAKRIFAN**

- 3.1 Bagi tujuan pekeliling ini, PKS yang layak memohon kemudahan insentif di bawah PLH adalah syarikat yang **diperakui** oleh:
- 3.1.1 SME Corporation Malaysia (melalui persijilan 1-InnoCERT);
  - 3.1.2 Malaysian Technology Development Corporation (MTDC);
  - 3.1.3 Malaysian Biotechnology Corporation (BiotechCorp); atau
  - 3.1.4 Multimedia Development Corporation (MDeC).

### **4. DASAR DAN GARIS PANDUAN PEMBERIAN INSENTIF**

#### **4.1 Jenis-jenis dan Bentuk Insentif**

##### **4.1.1 Insentif Pinjaman Mudah**

- i. Insentif subsidi kadar faedah 2% setahun tertakluk kepada jumlah maksimum RM200,000 setahun atau jumlah kumulatif sebanyak RM1,000,000 untuk tempoh 5 tahun bagi setiap syarikat.

##### **4.1.2 Insentif Galakan Cukai**

- i. Pengecualian duti setem di bawah Seksyen 80(1) Akta Setem 1949 ke atas surat cara perjanjian di bawah insentif pinjaman mudah seperti di perenggan 4.1.1 dan kriteria kelayakan pinjaman mudah seperti di perenggan 4.2.1; dan
- ii. Potongan cukai di bawah Seksyen 154(1) Akta Cukai Pendapatan 1967 ke atas perbelanjaan yang dilakukan untuk mendapatkan pensijilan 1-InnoCERT.

#### **4.1.3 Insentif Perolehan Kerajaan**

- i. Pendaftaran syarikat bertaraf pembuat dengan Kementerian Kewangan diluluskan tanpa lawatan;
- ii. Pemberian markah bonus penilaian teknikal;
- iii. Keutamaan untuk menyertai program *offset*; dan
- iv. Pertimbangan untuk dimasukkan dalam senarai Kontrak Pusat / Kontrak Sistem Panel.

#### **4.1.4 Insentif Syarikat Menteri Kewangan (Diperbadankan)**

- i. Produk/perkhidmatan syarikat akan diberi keutamaan dalam perolehan syarikat milik Menteri Kewangan (Diperbadankan) tertakluk kepada syarat perolehan Kerajaan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan.

### **4.2 Kriteria Kelayakan Insentif**

#### **4.2.1 Insentif Pinjaman Mudah**

- i. Kemudahan pembiayaan dan kadar faedah adalah tertakluk kepada kelulusan tawaran dan syarat semasa oleh tiga (3) buah Institusi Kewangan Pembangunan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan iaitu:
  - a. Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia Berhad;
  - b. Bank Pembangunan Malaysia Berhad; dan
  - c. Bank Export-Import Malaysia Berhad.
- ii. Bagi persijilan 1-InnoCERT, PKS yang layak memohon insentif ini hanya terhad kepada syarikat yang memiliki penarafan AA dan AAA sahaja;
- iii. Hanya layak diberikan kepada pinjaman baru yang bersesuaian dengan aktiviti utama syarikat sahaja;
- iv. Hendaklah dipohon kepada Sekretariat PLH di Kementerian Kewangan setelah memperoleh tawaran pinjaman;

- v. Hanya layak menerima sekali insentif kadar faedah dalam satu-satu masa;
- vi. Insentif kadar faedah akan dihentikan sekiranya peminjam didapati gagal membuat pembayaran kepada pemberi pinjam;
- vii. Permohonan insentif kadar faedah bagi pinjaman baru seterusnya hanya akan dipertimbangkan sekiranya insentif kadar faedah sedia ada telah tamat dan skim ini masih dibuka. Walau bagaimanapun, pemohon hanya akan diberikan insentif kadar faedah berdasarkan baki tempoh kelayakan subsidi jika ada.
- viii. Pinjaman yang tidak layak untuk menerima kemudahan insentif ini adalah seperti berikut:
  - a. Pembiayaan semula pinjaman sedia ada;
  - b. Pengambilalihan/pembelian saham syarikat; dan
  - c. Pembiayaan bagi tujuan bukan aktiviti syarikat.
- ix. Semua kos risiko pembiayaan tidak berbayar akan ditanggung sepenuhnya oleh Institusi Kewangan Pembangunan yang telah memberi pinjaman tersebut. Format tuntutan subsidi kadar faedah pinjaman mudah adalah seperti di **Lampiran 1**.

#### 4.2.2 Insentif Galakan Cukai

- i. Syarikat boleh terus menuntut pengecualian duti setem di bawah Perintah Pengecualian Duti Setem berkenaan dengan mengemukakan surat cara perjanjian pinjaman mudah di mana-mana Pejabat Setem Cawangan LHDN dan Pusat Khidmat Hasil LHDN;
- ii. Perbelanjaan yang dibenarkan potongan adalah perbelanjaan yang dilakukan secara langsung bagi mendapatkan persijilan 1-InnoCERT termasuk audit tapak dan yuran persijilan serta kos logistik dan penginapan asas untuk juruaudit yang terlibat dalam pengauditan 1-InnoCERT;
- iii. Potongan cukai yang dibenarkan sekali sahaja iaitu pada tahun pensijilan 1-InnoCERT diperoleh oleh syarikat;

- iv. Tuntutan potongan cukai ke atas perbelanjaan yang dilakukan untuk tujuan memperoleh persijilan 1-InnoCERT dibuat dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan bagi tahun taksiran yang berkenaan. Resit ke atas perbelanjaan berkaitan hendaklah disimpan bagi tujuan audit oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN); dan
- v. Perbelanjaan yang layak akan dinyatakan di bawah Kaedah Cukai Pendapatan.

#### **4.2.3 Insentif Perolehan Kerajaan**

##### **i. Pendaftaran syarikat tanpa lawatan**

Pendaftaran syarikat bertaraf pembuat dengan Kementerian Kewangan diluluskan tanpa lawatan.

Kriteria:

- a. syarikat hendaklah mendapat perakuan sama ada daripada SME Corp. (melalui persijilan 1-InnoCERT), MTDC, BiotechCorp atau MDeC; dan
- b. syarikat hendaklah memohon secara atas talian (*online*) di laman web [www.eperolehan.gov.my](http://www.eperolehan.gov.my) dan mengemukakan dokumen sokongan yang lengkap termasuk perakuan oleh Agensi di perenggan 4.2.3(i)(a) di atas.

##### **ii. Markah bonus penilaian teknikal**

Dalam proses penilaian teknikal tender/sebut harga, syarikat akan diberi markah bonus tambahan sebanyak 5 markah daripada keseluruhan markah teknikal yang diperoleh.

Kriteria:

- a. syarikat hendaklah mendapat perakuan sama ada daripada SME Corp. (melalui persijilan 1-InnoCERT), MTDC, BiotechCorp atau MDeC.

##### **iii. Program Offset**

Syarikat akan diberi pertimbangan untuk dilantik sebagai penerima Program *Transfer of Technology* (TOT) dalam industri yang berkaitan.

Kriteria:

- a. syarikat hendaklah mendapat perakuan sama ada daripada SME Corp. (melalui persijilan 1-InnoCERT), MTDC, BiotechCorp atau MDeC;
- b. syarikat perlu diiktiraf oleh Jawatankuasa Eksekutif Offset Malaysia Peringkat Kementerian Kewangan;
- c. syarikat perlu berdaftar dengan Kementerian Kewangan untuk menyertai perolehan Kerajaan. Bagi syarikat yang mengeluarkan produk siap (*finished product*), syarikat hendaklah berdaftar sebagai pembuat dengan Kementerian Kewangan;
- d. syarikat berkemampuan dari segi keupayaan tenaga kerja dan kewangan untuk menerima teknologi; dan
- e. syarikat perlu bersedia untuk melabur dan bekerjasama dengan pihak yang mengendalikan TOT.

#### **iv. Kontrak Pusat/Kontrak Sistem Panel**

Syarikat akan diberi pertimbangan untuk memasukkan produknya dalam senarai item kontrak pusat/kontrak sistem panel di bawah Perolehan Kerajaan.

Kriteria:

- a. syarikat hendaklah mendapat perakuan sama ada daripada SME Corp. (melalui persijilan 1-InnoCERT), MTDC, BiotechCorp atau MDeC;
- b. syarikat perlu berdaftar dengan Kementerian Kewangan untuk menyertai perolehan Kerajaan. Bagi syarikat yang mengeluarkan produk siap, syarikat hendaklah berdaftar sebagai pembuat dengan Kementerian Kewangan;
- c. syarikat perlu menyenaraikan produk keluaran masing-masing dalam senarai yang dikeluarkan oleh badan persijilan seperti berikut:

- i. Senarai Bahan/Barangan Binaan Tempatan yang dikeluarkan oleh IKRAM QA Services Sdn Bhd; atau
- ii. Senarai Bahan/Barangan Buatan Tempatan yang dikeluarkan oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd.
- d. produk guna sama/perkhidmatan yang diguna pakai oleh Agensi;
- e. syarikat berkeupayaan untuk membekal produk/memberi perkhidmatan yang diperlukan oleh Agensi;
- f. produk siap telah mematuhi syarat keperluan asas kelayakan (*prerequisite*) antaranya memenuhi segala keperluan standard, perlesenan serta pematuhan perundangan; dan
- g. perkhidmatan yang diberi mematuhi syarat keperluan asas kelayakan antaranya memenuhi segala keperluan standard, perlesenan serta pematuhan perundangan.

#### **4.2.4 Insentif Syarikat Menteri Kewangan (Diperbadankan)**

- i. Keutamaan dalam perolehan hanya terhad kepada syarikat yang dimiliki oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) sahaja seperti di **Lampiran 2**.

### **5. TATACARA PERMOHONAN**

- 5.1 Tempoh permohonan pemberian insentif dibuka mulai 15 Jun 2011 hingga 31 Disember 2014. Syarikat boleh mengemukakan permohonan tersebut kepada Sekretariat PLH di Kementerian Kewangan di alamat berikut:

Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
 Bahagian Pengurusan Pinjaman, Pasaran Kewangan dan Aktuari  
 Tingkat 5, Blok Tengah  
 Kompleks Kementerian Kewangan  
 No. 5 Persiaran Perdana  
 Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
 62592 Putrajaya

## **6. TARIKH KUATKUASA**

6.1 Pekeliling ini berkuat kuasa pada 15 Jun 2011 dan akan terbatal dengan sendirinya pada 31 Disember 2014. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersekali dengan Pekeliling lain yang berkaitan.

### **'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menurut perintah,



**(Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah)**  
Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
Kementerian Kewangan Malaysia  
Putrajaya

6 Jun 2011

s.k.

Ketua Setiausaha Negara  
Ketua Audit Negara  
Akauntan Negara Malaysia  
Ketua Pegawai Eksekutif Malaysian Biotechnology Corporation  
Ketua Pegawai Eksekutif Multimedia Development Corporation  
Ketua Pegawai Eksekutif Malaysian Technology Development Corporation  
Ketua Pegawai Eksekutif SME Corporation Malaysia

**LAMPIRAN 1**

**Format Tuntutan Subsidi Kadar Faedah Pinjaman Mudah**

BIL	NAMA SYARIKAT	TARIKH LULUS PINJAMAN	JUMLAH LULUS	JUMLAH PENGELOUARAN	BAKI PEMBIAYAAN	JUMLAH TUNTUTAN SUBSIDI	CATATAN

**LAMPIRAN 2****Senarai Syarikat Milik Menteri Kewangan (Diperbadankan)**

<b>Bil</b>	<b>Syarikat</b>
1	Agrobank
2	Amanah Raya Berhad
3	Astronautic Technology (M) Sdn Bhd
4	Bank Pembangunan Malaysia Berhad
5	Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad
6	Composites Technology Research Malaysia Sdn Bhd
7	Cyberview Sdn Bhd
8	Export-Import Bank of Malaysia Berhad
9	FELCRA Berhad
10	Halal Industry Development Corporation Sdn Bhd
11	Indah Water Konsortium Sdn Bhd
12	Institut Jantung Negara Sdn Bhd
13	Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad
14	Jambatan Kedua Sdn Bhd
15	JKP Sdn Bhd
16	Keretapi Tanah Melayu Berhad
17	Kumpulan Modal Perdana Sdn Bhd
18	Malaysia Debt Ventures Berhad
19	Malaysia Venture Capital Management Sdn Bhd
20	Malaysian Biotechnology Corporation Sdn Bhd
21	MIMOS Berhad
22	Multimedia Development Corporation Sdn Bhd
23	Pembinaan BLT Sdn Bhd
24	Pengurusan Aset Air Berhad
25	Perbadanan Nasional Berhad
26	Prokhas Sdn Bhd
27	Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn Bhd
28	Sarawak Hidro Sdn Bhd
29	Sepang International Circuit Sdn Bhd

<b>Bil</b>	<b>Syarikat</b>
30	SIRIM Berhad
31	Syarikat Perumahan Negara Berhad
32	Syarikat Prasarana Negara Berhad
33	Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd
34	UDA Holdings Berhad